

BAHAGIAN A
[30 MARKAH]

- 1 Solat dari sudut bahasa ialah _____.
- A doa
 - B ilmu
 - C hukum
 - D syariat
- 2 Asal pensyariatan solat semasa peristiwa Israk dan Mikraj ialah sebanyak _____.
- A 5 waktu
 - B 50 waktu
 - C 500 waktu
 - D 5000 waktu

Ibadah yang dilakukan dengan niat dan syarat tertentu yang dimulai dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan salam.

- 3 Berikut merupakan maksud _____ dari segi istilah.
- A solat
 - B zakat
 - C puasa
 - D sedekah

- 4 Apakah aurat perempuan dalam solat?
- A Kaki, muka dan tangan sahaja.
 - B Semua bahagian wajib ditutup.
 - C Bahagian antara pusat hingga ke lutut sahaja.
 - D Semua bahagian kecuali muka dan tapak tangan sahaja.
- 5 Apakah aurat lelaki dalam solat?
- A Semua bahagian.
 - B Muka dan tangan.
 - C Bahagian antara pusat hingga ke lutut sahaja.
 - D Semua bahagian kecuali muka dan tapak tangan .
- 6 Solat merupakan Rukun Islam yang _____.
- A pertama
 - B kedua
 - C ketiga
 - D keempat
- 7 Hukum bagi Muslim yang sengaja meninggalkan solat ialah _____.
- A makruh
 - B tidak berdosa
 - C berdosa kecil
 - D berdosa besar

- 8 Puasa dari segi bahasa ialah _____.
- A doa
 - B zikir
 - C memaksa
 - D menahan diri
- 9 Hukum menggantikan puasa sebelum pengislaman bagi Muallaf yang baru memeluk agama Islam ialah _____.
- A wajib
 - B sunat
 - C haram
 - D tidak wajib
- 10 Apakah hukum melewatkan sahur pada bulan Ramadhan?
- A Wajib.
 - B Sunat.
 - C Harus.
 - D Makruh.
- 11 Puasa merupakan Rukun Islam yang _____.
- A pertama
 - B kedua
 - C ketiga
 - D keempat

12 Adakah sah puasa bagi Muslim yang meninggalkan solat?

- A Sah.
- B Tidak sah.
- C Sah dan pahala sama dengan orang yang solat.
- D Sah tetapi pahala tidak sama dengan orang yang solat.

Syarat sah puasa adalah berpuasa penuh bermula terbit fajar sehingga terbenam matahari yang disertakan dengan niat dan menahan diri daripada makan dan minum serta perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa.

13 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kedudukan pahala bagi Muallaf yang berpuasa hanya separuh atau suku hari?

- A Mendapat pahala.
- B Tidak mendapat sebarang pahala.
- C Mendapat pahala yang sama seperti orang yang berpuasa penuh.
- D Pahala dikira berdasarkan ijtihad dan niat yang dilakukan oleh Muallaf tersebut.

14 Apakah hukum puasa seseorang sekiranya sengaja mengeluarkan air mani?

- A Sah.
- B Batal.
- C Makruh.
- D Tidak batal.

15 Apakah hukum melewatkan berbuka puasa apabila telah masuk waktu Maghrib?

- A Sunat.
- B Harus.
- C Haram.
- D Makruh.

16 Hukum berpuasa bagi Muallaf yang baru memeluk agama Islam ialah _____.

- A Wajib
- B Sunat
- C Harus
- D Wajib, tetapi ada rukhsah dari segi pelaksanaan

17 Puasa yang wajib kepada Muslim ialah pada Bulan _____.

- A Safar
- B Muharram
- C Ramadhan
- D Jamadil Awwal

18 Apakah hukum puasa bagi orang bukan Islam?

- A Harus.
- B Sunat.
- C Haram.
- D Makruh.

- 19 Usamah Ibn Zaid hampir membunuh musuh yang telah mengucapkan Dua Kalimah Syahadah ketika dalam peperangan lalu ditegur Nabi Muhammad SAW. Hal ini menunjukkan bahawa _____.
- A wajib membunuh kafir harbi
 - B wajib bertanya dan merujuk Rasulullah SAW dalam segala hal
 - C wajib seseorang muslim keluar berperang mempertahankan Islam
 - D haram membunuh individu yang mengucap Dua Kalimah Syahadah
- 20 Nabi Muhammad SAW mengajarkan umatnya yang memeluk Islam untuk mengutamakan pergerakan dalam solat berbanding bacaannya. Kaedah ini bersesuaian dengan Konsep _____.
- A Tabarruj
 - B Tadarruj
 - C Tawajjuh
 - D Tasamuh
- 21 Apakah hukum bagi Muallaf yang mengamalkan adat budaya sebelum Islam yang tidak bertentangan dengan Islam?
- A Harus.
 - B Sunat.
 - C Haram.
 - D Makruh.
- 22 Pengertian Tadarruj dari segi bahasa ialah _____.
- A Pukal
 - B Perlahan
 - C Sekaligus
 - D Berperingkat

Ali telah disahkan sebagai pesakit mental yang perlu bergantung dengan ubat oleh pakar sakit jiwa. Pada suatu hari, beliau telah meninggalkan solat Fardhu Zohor kerana mengalami gangguan mental pada waktu tersebut.

- 23 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah hukum meninggalkan solat bagi Ali dalam keadaan tersebut?
- A Berdosa dan wajib menggantikan solat tersebut.
 - B Tidak berdosa dan wajib menggantikan solat tersebut.
 - C Tidak berdosa dan tidak wajib menggantikan solat tersebut.
 - D Tidak berdosa dan wajib menggantikan apabila telah sembuh.
- 24 Apakah hukum membaca al-Fatihah dalam bahasa selain Bahasa Arab di dalam solat bagi muallaf yang baru sahaja memeluk agama Islam?
- A Harus.
 - B Haram.
 - C Makruh.
 - D Tidak harus.
- 25 Secara umumnya, mazhab yang diamalkan di Malaysia ialah _____.
- A Mazhab Hanbali
 - B Mazhab Syafie
 - C Mazhab Maliki
 - D Mazhab Hanafi

26 Hukum menggerakkan jari telunjuk ketika membaca tasyahhud ialah _____.

- A wajib
- B sunat
- C makruh
- D sunat muakkad

27 Siapakah nama tokoh sahabat yang telah menganut pelbagai jenis agama sebelum diberi hidayah untuk memeluk agama Islam?

- A Saiyyidina Bilal Bin Rabah.
- B Saiyyidina Salman Al-Farisi.
- C Saiyyidina Ali Bin Abi Thalib.
- D Saiyyidina Uthman Bin 'Affan.

28 Pada waktu bilakah kita semua wajib mengingati Allah SWT?

- A Sepanjang masa.
- B Ketika sakaratul maut.
- C Ketika mengerjakan solat.
- D Ketika diri dalam keadaan susah.

Dimanakah Allah SWT berada?

29 Apakah jawapan yang paling baik untuk dimaklumkan kepada orang yang bertanyakan soalan di atas?

- A Allah berada di atas.
- B Allah tidak bertempat.
- C Allah berada di kiri dan kanan kita.
- D Allah berada di mana-mana sahaja.

Bagaimanakah bentuk Allah SWT?

30 Apakah jawapan yang paling tepat untuk kita maklumkan kepada orang yang bertanyakan soalan di atas?

- A Allah tidak sebanding dengan apa-apa makhluk.
- B Allah juga mempunyai anggota badan seperti tangan.
- C Allah mempunyai penglihatan yang berbeza dengan manusia.
- D Allah mempunyai pendengaran yang berbeza dengan manusia.